



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERUBAHAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN WARISAN MELALUI PETUNJUK PELANCONGAN LESTARI DI MELAKA TENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PIRASANAH A/P SASIDHARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERUBAHAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN
WARISAN MELALUI PETUNJUK
PELANCONGAN LESTARI DI
MELAKA TENGAH**

PIRASANAH A/P SASIDHARAN



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSBPS-080/01
Perakuan Keaslian Penulisan

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Persekolahan

Sarjana Pendidikan dan Kerja Kuasa
Doktor Fasalat

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan), 4 (bulan) 2022.

i. Perakuan pelajar

Saya, Pirasanah A/P Sasidharan, M20162002566, Fakulti Sains Komarudin [SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI] dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Perubahan Pembangunan Pelancongan Warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelas-jelas dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Rahimah Binti Wahid [NAMA PENYELIA] dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Perubahan Pembangunan Pelancongan Warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah

[TAJUK] dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepelebihnya syarat untuk memperoleh ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Malaysia) [SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH].

18/6/2022

Tarikh

DR. RAHIMAH BTI WAHID
Penyelia KPM
Institut Pengajian SiswaZah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perakuan Keaslian Penulisan

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Perubahan Pembangunan Pelancongan Warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah

No. Matrik / Matric's No.: M20162002566

Saya / I: Pirasanah A/P Sasidharan

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdasarkan keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasibadan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. RAHMAT DITI RAMAD
Penyelia
Institusi Pengajian Tinggi
Jln. Sungai Rambutan
70000 Kuala Lumpur
Waktu Pengajian: 18/6/2022

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 18/6/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada ahli berswasta/organisasai berkaitan dengan menyatakan sekalibebas dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Tuhan kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Tesis Sarjana ini dapat disempurnakan.

Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis Dr. Rahimah Binti Wahid, atas bimbingan, bantuan dan dorongan kepada saya sehingga saya boleh menyiapkan kajian ini dengan menghasilkan sebuah tesis.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses merealisasikan kajian ini. Semoga kita sentiasa diberi naungan oleh Tuhan bagi meneruskan kehidupan di dunia ini.

Semoga usaha ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam dunia pendidikan negara kita. Sesungguhnya kejayaan seseorang itu di dunia dan akhirat hanya dengan ilmunya.





ABSTRAK

Pembangunan pesat di kawasan pelancongan warisan akan memberi kesan kepada bangunan warisan yang terdapat di sekitar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat impak pembangunan kepada negeri Melaka dari pandangan penduduknya. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap pengetahuan, pembangunan pelancongan dan kesan pembangunan pelancongan kepada kelestarian pelancongan warisan yang berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah yang meliputi Bandar Melaka. Seramai 382 orang responden yang menetap di sekitar Melaka Tengah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui kajian tinjauan dan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang dikumpul, dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan korelasi. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan penduduk tempatan tentang pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah adalah tinggi ($M=3.92$, $S.P= 0.37$), tahap perubahan pembangunan pelancongan warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari adalah tinggi ($M=3.67$, $S.P=0.26$) manakala kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah juga berada di tahap yang tinggi ($M=4.07$, $S.P=0.17$). Secara keseluruhan, terdapat hubungan signifikan yang tinggi antara pengetahuan penduduk tempatan dengan pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah ($r=0.482$, $p < 0.05$). Seterusnya, terdapat hubungan yang signifikan tinggi antara pengetahuan penduduk tempatan dengan kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah ($r=0.206$, $p < 0.05$) dan hubungan yang signifikan tinggi antara pembangunan pelancongan dengan kelestarian pelancongan warisan ($r=0.330$, $p<0.05$). Secara kesimpulannya, perubahan pembangunan pelancongan memberi kesan kepada kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah. Implikasi kajian ini dapat dijadikan garis panduan bagi Kerajaan Negeri Melaka dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain dalam mengatasi isu pembangunan pelancongan warisan secara lestari berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari. Pada masa yang sama, pelancongan yang lestari dapat menarik lebih banyak pelancong ke Bandar Melaka sekali gus meningkatkan pendapatan penduduk tempatan dan negeri.





CHANGES IN HERITAGE TOURISM DEVELOPMENT THROUGH SUSTAINABLE TOURISM INDICATORS IN CENTRAL MELAKA

ABSTRACT

The rapid development of heritage tourism areas will affect the heritage buildings found in the vicinity. Therefore, this study is conducted to see the impact of development to the state of Melaka from the point of view of its people. The objective of this study is to identify the level of knowledge, tourism development and the impact of tourism development on the sustainability of heritage tourism based on the Sustainable Tourism Guidelines in Central Melaka which covers the City of Melaka. A total of 382 respondents residing around Central Melaka were selected using a simple random sampling method based on the Krejcie & Morgan Table. This study uses quantitative methods through survey research and using questionnaire instruments. Data were collected, analyzed using descriptive and correlation statistics. Findings show that the level of knowledge of local people about the development of heritage tourism in Central Melaka is high ($M = 3.92$, $SP = 0.37$), the level of change in the development of heritage tourism through the Sustainable Tourism Indicator is high ($M = 3.67$, $SP = 0.26$) while the impact of tourism development on the sustainability of heritage tourism in Central Melaka is also at a high level ($M = 4.07$, $SP = 0.17$). Overall, there is a significant high relationship between the knowledge of local people with the development of heritage tourism in Central Melaka ($r = 0.482$, $p < 0.05$). Furthermore, there is a high significant relationship between local knowledge with heritage tourism sustainability in Central Melaka ($r = 0.206$, $p < 0.05$) and a high significant relationship between tourism development and heritage tourism sustainability ($r = 0.330$, $p < 0.05$). In conclusion, changes in tourism development affect the sustainability of heritage tourism in Central Melaka. The implication of this study can be used as a guideline for the Melaka State Government and other Local Authorities in overcoming the issue of sustainable heritage tourism development based on the Sustainable Tourism Guidelines. At the same time, sustainable tourism can attract more tourists to Bandar Melaka while increasing the income of local and state residents.





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viiii
SENARAI SINGKATAN	ixii
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	16
1.3 Penyataan Masalah Kajian	20
1.4 Persoalan Kajian	26
1.5 Objektif Kajian	27
1.6 Hipotesis Kajian	27
1.7 Kepentingan Kajian	28
1.8 Skop Kajian	32





1.9 Definisi Operasi Kajian	32
1.9.1 Pembangunan Pelancongan Lestari	32
1.9.2 Pelancongan Warisan	36
1.9.3 Petunjuk Pelancongan Lestari	40
1.10 Organisasi Bab	42
1.11 Rumusan	44
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	45
2.1 Pengenalan	45
2.2 Kajian Literatur	46
2.3 Teori Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan (Butler's Tourist Area Life Cycle)	72
2.4 Pelancongan Lestari	78
2.5 Perkembangan Pelancongan Warisan di Melaka	87
2.6 Rumusan	101
BAB 3 METODOLOGI	102
3.1 Pengenalan	102
3.2 Reka Bentuk Kajian	103
3.2.1 Kawasan Kajian	110
3.2.2 Sampel Kajian	113





3.3 Instrumen Kajian	114
3.3.1 Data Sekunder (Dokumen)	115
3.3.2 Data Primer (Soal Selidik)	117
3.4 Penganalisan Data Kajian	123
3.4.1 Korelasi	124
3.4.2 Statistik Deskriptif	126
3.5 Rumusan	128

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

1029

4.1 Pengenalan



4.2 Latar Belakang Responden	130
------------------------------	-----

4.3 Analisis Deskriptif

4.3.1 Analisis Tahap Pengetahuan	132
----------------------------------	-----

4.3.2 Analisis Perubahan Pembangunan	143
--------------------------------------	-----

4.3.3 Analisis Kesan Pembangunan	157
----------------------------------	-----

4.4 Analisis Hipotesis

171

4.5 Rumusan

175

BAB 5 PERBINCANGAN DAN ANALISIS

176

5.1 Pengenalan

176





5.2 Ringkasan Kajian	177
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	182
5.3.1 Demografi Responden	183
5.3.2 Analisis Objektif Kajian	189
5.3.3 Analisis Hipotesis Kajian	189
5.4 Rumusan	194
BAB 6 KESIMPULAN	195
6.1 Pengenalan	195
6.2 Implikasi Kajian	195
6.3 Cadangan Kajian Lanjutan	203
6.4 Penutup	212
RUJUKAN	216
LAMPIRAN	237





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Petunjuk Pelancongan Lestari	40
3.1 Jadual Penentuan Saiz Sample Krejcie & Morgan	113
3.2 Nilai Alpha Cronbach	122
3.3 Maklumat Item Kajian Rintis	123
3.4 Tahap kekuatan korelasi	125
3.5 Tahap Kecenderungan Skor Min	127
4.1 Taburan Responden Berdasarkan Demografi	129
4.2 Taburan Deskriptif Item Pengetahuan terhadap pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah	134
4.3 Penjadualan Silang antara Pengetahuan dan Jantina	137
4.4 Penjadualan Silang antara Pengetahuan dan Umur	138
4.5 Penjadualan Silang antara Pengetahuan dan Pendidikan	139
4.6 Taburan Deskriptif Item Perubahan Terhadap pembangunan pelancongan warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari dari perseptif penduduk tempatan	143
4.7 Penjadualan Silang antara Pembangunan dan Jantina	149
4.8 Penjadualan Silang antara Pembangunan dan Umur	150
4.9 Penjadualan Silang antara Pembangunan dan Pendidikan	151
4.10 Taburan Deskriptif Item Kesan Terhadap Pembangunan Pelancongan Warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari dari Perseptif Penduduk Tempatan	157
4.11 Penjadualan Silang antara Kelestarian dan Jantina	163





4.12	Penjadualan Silang antara Kelestarian dan Umur	163
4.13	Penjadualan Silang antara Kelestarian dan Pendidikan	164
4.14	Keputusan Ujian Kolerasi Antara Pembolehubah Pengetahuan dengan Pembolehubah Pembangunan	166
4.15	Keputusan Ujian Kolerasi Pembolehubah Pengetahuan dengan Pembolehubah Kelestarian	167
4.16	Keputusan Ujian Kolerasi Antara Pembolehubah Pembangunan dengan Pembolehubah Kelestarian	169





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Tourism Area Life Cycle Model 76
3.1	Reka Bentuk Keseluruhan Kajian 106
3.2	Hubung kait pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar 106
3.3	Peta Daerah Melaka Tengah 110
3.4	Peta lokasi Bandar Melaka 111





SENARAI SINGKATAN

ACIA *ASEAN Comprehensive Investment Agreement*

APEC *Asia-Pacific Economic Cooperation*

EPU *Economic Planning Unit*

GIS *Geographic Information System*

IPA *Importance Performance Analysis*

IUCN *International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources*



KFC *Kentucky Fried Chicken*

KLIA *Kuala Lumpur International Airport*

LA *Penguasa Tempatan*

LDC *Least Development Countries*

LPPM *Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia*

MBMB *Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah*

MITC *Melaka International Trade Centre*

MNSQ *Show Mean-Square*

MOCAT *Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan*





NGO	<i>Non-Government Organisation</i>
OUV	Nilai Sejagat Luar Biasa
OWHC	<i>Organization of World Heritage Cities</i>
PBC	Pelancongan Berasaskan Cabaran
PKPM	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TALC	<i>Butler's Tourist Area Life Cycle</i>
TLA	Penguasa Tempatan Wilayah
TLDL	Tentera Laut Diraja Malaysia



UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UNEP	<i>United Nation Environment Programme</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNWTO	<i>World Tourism Organization</i>
WCED	<i>World Commission on Environment and Development</i>
WHC	<i>World Heritage Committee</i>
WHS	Tapak Warisan Dunia
WTO	<i>World Trade Organization</i>
WTTC	<i>World Travel & Tourism Council</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengurusan pelancongan lestari di laman Warisan Dunia adalah isu yang relevan sejagat, kerana pentingnya pemeliharaan untuk generasi akan datang. Kita juga harus mempertimbangkan bahawa di setiap bandar pelancongan boleh mempunyai makna yang berbeza. Oleh itu, pelancongan yang diuruskan dengan baik dapat membantu penduduk tempatan untuk menilai keaslian dan mempromosikan mengenai tempat mereka. Perkara ini juga boleh menjadi wahana penting untuk mempromosikan pertukaran budaya dan untuk melestarikan perniagaan tempatan tradisional. Penting untuk menyedari bahawa keunikan Bandar Warisan Dunia dan hubungannya dengan industri pelancongan adalah sebahagian daripada tarikan pelancongan yang paling relevan di bandar-bandar bersejarah. Bandar Warisan Dunia menawarkan persekitaran yang dihasilkan dari gabungan monumen, keaslian, landskap, iklim, orang, dan unsur-unsur yang dianggap oleh UNESCO sebagai nilai universal yang luar biasa.





Pembangunan adalah sesuatu yang diperlukan dan tidak akan wujud selain digerakkan oleh manusia yang mempunyai impak secara langsung dan tidak langsung kepada manusia (Rahimah, 2000). Pembangunan yang berlaku di negara memberikan kesan kepada penduduk itu sendiri. Padahal, “*World Commission on Environment and Development (WCED)*” mengutarakan konsep pembangunan lestari pada tahun 1983 yang juga dikenali sebagai Brundtland Commission. *Our Common Future* iaitu Laporan Brundtland telah menjadi rujukan umum bagi pembangunan lestari yang diterbitkan pada tahun 1987 (Abdul Ghani & Aziah Ismail, 2007). Kini, semua jenis sektor termasuk sektor perkhidmatan seperti sektor pelancongan menggunakan konsep pembangunan lestari. Elemen pembangunan lestari biasanya dilihat secara menyeluruh dan bersepadu serta menimbangkan keperluan dalam aspek pertumbuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar (Fatimah & Fauziah, 2010). Hal ini menyebabkan semua pembangunan pelancongan pada masa kini menekankan pembangunan secara lestari untuk menjamin kualiti pelancongan negara. Pembangunan lestari menekankan kepentingan peningkatan kualiti yang lebih baik kepada semua entiti muka bumi termasuk manusia, muka bumi dan kehidupan lain. Pembangunan lestari adalah sangat berkait rapat dengan sektor pelancongan. Sektor pelancongan yang mengamalkan pembangunan lestari akan mencapai kemajuan yang sangat baik.

Aktiviti pelancongan pada masa kini berkait rapat dengan pembangunan lestari dan mengambil pelbagai usaha untuk melestarikan produk pelancongan negara. Industri pelancongan berkembang ke arah yang berbeza, dan semuanya mewakili cabaran dan peluang, yang harus ditangani dengan menggabungkan kesinambungan dengan daya saing dan kemakmuran ekonomi. Menurut garis panduan pelancongan



lestari Kesatuan Eropah, selain daripada faedah peribadi, pelancongan menyokong banyak tempat bersejarah di seluruh dunia. Antara faedahnya ialah:

- Menjana nilai ekonomi dan menyumbang kepada pendapatan tempatan, serantau dan nasional/ di negara kita, pelancongan dianggap sebagai salah satu sektor yang amat menguntungkan dan sektor kedua yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menurut Astroawani, industri pelancongan telah menyumbang Rm 8614 billion kepada pendapatan negara pada tahun 2019. (Sektor pelancongan sumbangan RM86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia pada 2019, 2020, April 11.<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sektor-pelancongan-sumbang-rm8614-bilion-kepada-ekonomi-malaysia-pada-2019-237781>). Selain pendapatan negara, sektor ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada masyarakat di mana menjadi sumber kewangan kepada ahli masyarakat pada masa kini.
- Naikkan imej dan profil bandar sebagai tempat untuk dikunjungi, tinggal dan melabur. Menerusi perkembangan yang setara dalam industri ini yang turut mengembangkan sektor lain, imej negara sememangnya akan meningkat menerusi industri pelancongan. Pelbagai aspek yang dibangunkan di negara kita termasuklah pembangunan fizikal, kemudahan dan keceriaan akan turut meningkatkan imej negara di serata dunia. Sememangnya Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan adat dan budaya serta kepelbagaiannya masyarakat yang unik. Bandar-bandar besar juga akan mendapat imej yang baik kerana pembangunan yang pesat yang turun mengembangkan peluang pelabur-pelabur dari luar negara melabur di negara kita.

- Pemulihan bangunan bersejarah yang ditinggalkan untuk kegunaan produktif menjadi landasan untuk melabur dalam warisan bandar. Warisan dikaitkan dengan kesejahteraan ekonomi kerana menarik pengunjung dan perbelanjaan mereka. Sektor pelancongan juga akan membuka peluang untuk meningkatkan nilai estetika bangunan-bangunan lama yang masih dipelihara sehingga kini. Selain itu aspek-aspek pemuliharaan juga akan diberi perhatian oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan tempatan supaya ia terus menjadi penyumbang kepada penarikan pelancong ke negara kita.
- Meningkatkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan tempatan dapat menyumbang kepada daya maju terutamanya di bandar dan kampung yang lebih kecil. Selain sektor pelancongan yang telah maju, sektor-sektor lain juga akan mendapat peluang untuk maju bersama industri ini. Selain kawasan bandar, kampung juga menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara maka sektor-sektor Perindustrian Kecil Sederhana dan juga sektor tradisional mampu melangkah jauh ke arah kemajuan. Industri-industri kecil seperti batik dan kraftangan dapat maju dengan disokong oleh industri pelancongan negara kita.
- Bantu mengekalkan tradisi dan peristiwa tempatan seperti yang diketahui umum, Malaysia bukan sahaja sebuah negara yang sedang membangun tetapi juga sebuah negara yang unik. Keunikan Malaysia inilah yang menjadi daya tarikan kepada pelancong-pelancong dari negara-negara Barat untuk melihat keunikan negara kita dengan mata mereka sendiri. Keadaan ini juga membolehkan negara kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara eropah yang lain. Dengan kehadiran pelancong dari luar negara,

masyarakat di negara kita terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai bubur tradisi mampu mengekalkan tradisi dan juga sambutan-sambutan perayaan yang utama. Antara tradisi yang masih lagi dapat kita lihat ialah tradisi Baba Nyonya di Melaka dan juga sambutan Kristmas di *Portuguese Settlement* di Melaka.

- Sokong pengeluaran makanan, minuman dan kraftangan tempatan kerana pengunjung mencipta pasaran tambahan. Pasaran tempatan tambahan juga dikatakan dapat diwujudkan menerusi perkembangan sektor perindustrian pelancongan terutamanya pelancongan lestari. Makanan-makanan tradisional di negara kita dapat menjadi popular dan ini akan membuka peluang kepada peniaga-peniaga serta pengeluar tempatan untuk berniaga di persada antarabangsa. Selain meningkatkan pendapatan negara menerusi import dan eksport, penduduk tempatan juga dapat bergelar sebagai usahawan yang berjaya. Selain mempopularkan makanan dan budaya kita di negara luar, sektor pelancongan juga dapat meningkatkan kredibiliti negara.
- Buat pasaran untuk perniagaan mikro baru dan dapat membantu mengekalkan bakat tempatan atau membantu mewujudkan alasan dan peluang bagi orang untuk tinggal di tempat mereka bekerja.

Walau bagaimanapun, pelancongan kadang-kadang memberikan masalah kepada tempat bersejarah dengan melemahkan rasa tempat dan identiti budaya, yang menimbulkan kesulitan bagi masyarakat setempat.

Dalam pembangunan lestari wujudnya dimensi berteraskan generasi kerana peningkatan penghargaan umum terhadap manfaat yang dapat diperolehi melalui



usaha pembangunan lestari. Perkara ini menjadikan konsep pelancongan lestari menjadi semakin popular dan diamalkan oleh kebanyakan pemaju pusat pelancongan di Malaysia. Justeru, pendekatan pembangunan lestari perlu dipertimbangkan dalam setiap perancangan pelancongan supaya pelancongan di sesuatu kawasan tidak gagal akibat daripada kemusnahan atau kemansuhan sumber-sumber ini. Pembangunan pelancongan melibatkan pembangunan aset pelancongan yang meliputi budaya, komuniti dan tarikan pelancongan.

Pelancongan merupakan suatu aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang. Pelancongan juga adalah salah satu kegiatan dan sumber ekonomi dan sosial yang penting. Aktiviti pelancongan merupakan satu aktiviti ekonomi yang bebas tanpa dibatasi ruang atau sempadan (Yahaya Ibrahim et. al, 2008). Jika pembangunan pelancongan dilaksanakan berdasarkan konsep dan pendekatan lestari, maka pelancongan boleh membantu memberikan 'pewajaran' dan langkah-langkah alternatif yang boleh diambil untuk pemuliharaan sumberjaya semulajadi termasuk warisan budaya di sesuatu kawasan.

Pelancongan adalah salah satu industri yang berkembang pesat di dunia dan penjanaan pertukaran wang asing serta sumber pekerjaan utama bagi banyak negara. Ini adalah salah satu fenomena ekonomi dan sosial yang paling luar biasa. 'Tour' dunia berasal dari perkataan Latin tornus, yang bermaksud 'alat untuk membuat bulatan' (Hall, 1995). Pelancongan boleh didefinisikan sebagai pergerakan orang dari tempat tinggal biasa mereka ke tempat lain (dengan tujuan untuk kembali) untuk jangka masa minimum dua puluh empat jam hingga maksimum enam bulan untuk satu-satunya tujuan untuk bersantai.



Menurut WTO (1993), "Pelancongan merangkumi kegiatan orang-orang yang melakukan perjalanan dan tinggal di tempat-tempat di luar lingkungan biasa mereka selama tidak lebih dari satu tahun berturut-turut untuk bersantai, perniagaan, dan tujuan lain."

Persidangan Rom mengenai pelancongan pada tahun 1963 mendefinisikan pelancongan sebagai 'lawatan ke negara selain dari negara sendiri atau di mana seseorang biasanya tinggal dan bekerja'. Definisi ini, bagaimanapun, tidak mengambil kira pelancongan domestik, yang telah menjadi pemacu wang dan penjana pekerjaan yang penting bagi industri perhotelan. UNWTO mendefinisikan pelancong sebagai 'orang yang melakukan perjalanan dan tinggal di tempat di luar persekitaran biasa mereka selama tidak lebih dari satu tahun berturut-turut untuk bersantai, perniagaan dan tujuan lain yang tidak berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti yang dibayar dalam tempat yang dikunjungi' (Richard, 2018).

Perancangan pelancongan memerlukan pemahaman tentang makna pembangunan lestari dan nilai panduan untuk mempromosikan pelancongan lestari. Ini menuntut agar masyarakat sedar akan industri pelancongan dan memungkinkan untuk memahami kesannya.

Pelancongan juga dikatakan sebagai kemewahan oleh segelintir masyarakat kerana hanya orang yang mempunyai masa dan wang, mampu untuk melancong. Terdapat negara di dunia (Hong Kong, Bangkok dan Singapura), kini memajukan sektor pelancongan mereka sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara. Negara-negara maju di serata dunia kini faham bahawa bukan sahaja perniagaan yang mampu meningkatkan kewangan sesebuah negara malah sektor pelancongan juga

mampu menyumbang kepada sumber kewangan dan aspek pembangunan lain sesebuah negara. Lawatan pelancong-pelancong asing dari negara-negara lain bukan saja akan memberikan pendapatan kepada negara maka akan meningkatkan imej sesebuah negara di mata dunia. Perkara ini bukan saja membanggakan sesebuah negara tetapi juga membuka peluang untuk berkomunikasi dan bersosialisasi dengan negara-negara lain di dunia ini.

Pelancongan boleh diklasifikasikan mengikut aktiviti pelancongan di destinasi tersebut seperti pelancongan etnik dan budaya, warisan atau sejarah, persekitaran, sukan dan rekreasi, perniagaan, kesihatan dan ekopelancongan. Pelancongan menjadi industri terbesar di dunia, manakala alam sekitar atau sumberjaya semulajadi menjadi agenda utama dalam pembangunan pelancongan. Ciri ciri alam sekitar yang unik menjadi tarikan utama pelancong. Hubungan antara alam sekitar dan pelancongan adalah penting dalam usaha merancang, membangun dan menguruskan sumberjaya yang baik. Sumberjaya semulajadi tidak hanya merangkumi ciri ciri tanah, udara, air, flora dan fauna tetapi turut merangkumi aspek sejarah, kebudayaan dan warisan (Ahmad Shukri Mohd et. al, 2003). Pelancongan lestari bermaksud sumber-sumber pelancongan semulajadi, kebudayaan dan lain-lain yang dipulihara untuk penggunaan berterusan masa depan dan turut memberi manfaat kepada masyarakat masa kini. Pelancongan lestari menyediakan pelbagai kemudahan di destinasi pelancongan yang merupakan sejenis aktiviti pemuliharan yang berterusan dan memodenkan struktur sosial dengan meningkatkan taraf hidup komuniti setempat dan meningkatkan pendapatan negara (Murphy, 1985).



Di samping pembangunan fizikal, prinsip pelancongan lestari turut tertumpu kepada pengurusan sumber manusia, budaya dan kewangan. Pada awal tahun 1970, perkembangan pelancongan telah dibangunkan secara mendalam (Yahaya Ibrahim et al, 2008). Pada tahun 1970-an, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, keseimbangan wilayah, membentuk masyarakat penyayang dan menggalakkan penglibatan penduduk setempat, serta mengutamakan pembangunan lestari dengan mempertimbangkan aspek ini sektor pelancongan dibangunkan (Yahaya Ibrahim, 2008). Perkembangan ini berlaku untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara apabila hasil getah dan bijih timah semakin merosot. Oleh itu, di Malaysia pembangunan pelancongan dijadikan lebih lestari dan semakin popular oleh kebanyakan pemaju pusat-pusat pelancongan. Manfaat yang dapat diperolehi melalui usaha pembangunan pelancongan lestari meningkatkan penghargaan umum terhadapnya (Chamhuri Siwar, 2004).

Perkembangan industri pelancongan di Malaysia telah dipengaruhi oleh potensi industri pelancongan yang menjadi satu pemangkin kepada pendapatan negara, maka pendekatan yang bersepadu dilaksanakan dalam perancangan dan perlaksanaan industri ini dengan lebih sistematik. Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) yang lebih dikenali sebagai *Tourism Malaysia* telah diperkenalkan pada tahun 1992 bagi memantapkan fungsi dan skop Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) supaya lebih relevan dan berdaya saing. Program-program mengiklankan Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan lebih efektif telah dijalankan oleh *Tourism Malaysia*. Kini, industri pelancong bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan dan menjadi salah satu penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan peluang pekerjaan.



Industri pelancongan Malaysia merupakan Antara penyumbang utama kepada sektor perkhimatan negara dengan sumbangannya kepada KDNK sebanyak 14.9% iaitu RM 201.4 billion (Bernama, 2018). Tambahan pula, industri pelancongan juga merupakan penyumbang ke-3 terbesar dengan sumbangan bernilai RM73.3 billion kepada Pendapatan Negara Kasar (Bernama, 2018).

Kemajuan pesat sektor pelancongan sehingga berjaya menempatkan dirinya sebagai salah satu sektor ekonomi penting di kebanyakan negara adalah disebabkan oleh peningkatan taraf hidup penduduk, kuasa beli dalam kalangan penduduk faktor-faktor lain seperti kemudahan pengangkutan termasuk penerbangan yang menawarkan harga tiket yang lebih murah. Perkembangan industri pelancongan di Malaysia berlaku dengan pantas kerana pelancong dari negara asing sedar terdapatnya keaslian, keindahan, keunikan dan kelainan yang istimewa di Malaysia sebagai destinasi pelancongan dunia. Hal ini kerana Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Kadazan-dusun dan lain-lain. Masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia mempunyai adat, budaya dan gaya hidup tersendiri yang unik dapat menarik minat pelancong asing untuk melancong ke Malaysia. Malaysia menjadi sebuah negara yang disenangi oleh pelancong sama ada dari dalam atau luar negara kerana kelebihan semula jadinya seperti iklim dan alam sekitar yang seimbang, serta ciri ciri masyarakat dan budaya yang unik. Dalam merealisasikan hasrat Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau Asia dengan meningkatkan kemasukan pelancong yang ramai dari luar negara, kerajaan tempatan telah merancang pelbagai aktiviti pelancongan antaranya ialah Kempen Cuti-Cuti Malaysia, Tahun Melawat Malaysia dan Hari Pelancongan Sedunia serta mempromosikannya di peringkat antarabangsa.

Seperti yang telah diketahui umum bukan sahaja pendapatan sesebuah negara akan meningkat malah aspek-aspek lain dapat ditingkatkan. Pembangunan pelancongan mempengaruhi perkembangan infrastruktur dalam sesebuah negara untuk menampung kedatangan pelancongan yang ramai dari luar negara. Perkembangan infrastruktur dan kemudahan asas sesebuah negara juga dapat ditingkatkan menerusi sektor pelancongan yang mampu memberikan ‘Durian Runtuh’ kepada sesebuah negara. Kerajaan akan menggunakan pendapatan yang diperoleh menerusi sektor pelancongan ini untuk membina infrastruktur dan kemudahan asas bukan saja kepada pelancong-pelancong yang akan melancong ke negara kita malah juga kepada masyarakat masyarakat tempatan yang turut berperanan menjaga sektor pelancongan di negara kita. Bukan saja jalan raya dan lebuh raya yang akan dibina menggunakan sumber pendapatan dari sektor pelancongan tetapi kemudahan-kemudahan lain seperti lapangan terbang, pelabuhan, sektor perhotelan, kemudahan hospital dan juga aspek lain akan diberikan perhatian oleh kerajaan. Infrastruktur asas dan kemudahan ini bukan sahaja menguntungkan pihak dari luar negara tetapi turut menguntungkan masyarakat tempatan kerana mereka dapat menggunakan bersama dengan pelancong-pelancong asing. Contohnya, pembinaan lapangan terbang KLIA (*Kuala Lumpur International Airport*) yang mewah dapat menarik pelancong dari luar negara. Sebagai tambahan KLIA 2 dibina bagi menampung peningkatan pelancong asing yang datang ke Malaysia.

Aspek sosioekonomi di Malaysia terutamanya bidang perniagaan dapat dimajukan melalui pembangunan pelancongan lestari. Oleh itu, penduduk tempatan boleh meningkatkan taraf ekonomi melalui penglibatan mereka dalam perkhidmatan pelancongan dengan menyediakan perkhidmatan pelancongan seperti tempat penginapan, makanan, minuman, perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan

pelancongan yang lain. Sebagai contoh, penduduk luar bandar boleh membangunkan inap desa di destinasi pelancongan sebagai pendapatan sampingan.

Potensi pembangunan pelancongan sebagai alat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kemiskinan berasal dari beberapa ciri unik sistem pelancongan (UNWTO, 2002). Pertama, pelancongan merupakan peluang untuk mempelbagaikan ekonomi, terutama di daerah marginal dengan sedikit pilihan eksport lain. Pelancong tertarik ke kawasan terpencil yang mempunyai nilai budaya, hidupan liar dan landskap yang bernilai tinggi. Budaya dan warisan semula jadi negara membangun sering didasarkan pada aset tersebut, dan pelancongan merupakan peluang untuk menjana pendapatan melalui pemeliharaan nilai warisan. Oleh itu, pelancongan membolehkan komuniti yang miskin dengan kekayaan material tetapi kaya dengan sejarah dan warisan budaya untuk memanfaatkan aset unik mereka untuk pembangunan ekonomi. Pelancongan adalah satu-satunya sektor eksport di mana pengguna melakukan perjalanan ke negara pengeksport, yang memberi peluang kepada orang miskin untuk menjadi pengeksport melalui penjualan barang dan perkhidmatan kepada pelancong asing. Pelancongan juga berintensifkan tenaga kerja dan menyokong pasaran buruh yang pelbagai dan serba boleh; ia menyediakan peluang pekerjaan berskala kecil, yang juga membantu mempromosikan kesetaraan gender. Akhirnya, terdapat banyak faedah pelancongan tidak langsung bagi masyarakat miskin, termasuk peningkatan akses pasar untuk kawasan terpencil melalui pembangunan jalan raya, infrastruktur, dan jaringan komunikasi.

Manfaat ekonomi pelancongan termasuk pengembangan peluang perniagaan untuk orang miskin, pengembangan pekerjaan dan upah dengan memastikan



komitmen terhadap pekerjaan dan latihan penduduk tempatan, dan pengembangan pendapatan masyarakat kolektif. Manfaat bukan ekonomi termasuk peningkatan kapasiti, latihan, peningkatan akses ke perkhidmatan dan infrastruktur (seperti penjagaan kesihatan, akses radio, keselamatan, bekalan air, dan pengangkutan), dan pengurangan kesan persekitaran dan konflik sumber semula jadi. Banyak faedah fizikal dan persekitaran mungkin didorong oleh pembangunan pelancongan, tetapi secara tidak langsung memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Kesan ekonomi pelancongan secara keseluruhan dimaksimumkan melalui peningkatan hubungan dengan sektor ekonomi tempatan yang lain. Hubungan ekonomi yang kuat dengan pelancongan dan sektor lain (seperti pertanian dan perusahaan kecil) akan meningkatkan kesan berlipat ganda, sehingga menyumbang kepada peningkatan pengekalan pendapatan dan penciptaan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan. Peningkatan hubungan ekonomi melalui pengembangan pelancongan menghasilkan permintaan yang lebih besar untuk barang dan perkhidmatan tempatan, penciptaan lebih banyak pekerjaan, dan pengembangan lebih banyak peluang untuk perniagaan lokal. Perhubungan yang berkesan bergantung pada kualiti dan kebolehpercayaan produk tempatan untuk pasaran pelancongan.

Para pelancong juga boleh menikmati pelbagai jenis pilihan makanan di Malaysia sama ada tradisional mahupun barat. Permintaan yang tinggi terhadap makanan ini memberi peluang perniagaan yang luas kepada penduduk tempatan melalui pembukaan restoran, kedai atau warung makanan. Selain itu, pembangunan pelancongan di Malaysia dapat memperkenalkan budaya yang unik kepada pelancong dari luar negara. Sektor pelancongan ini dapat mempromosikan warisan budaya nasional ke serata dunia. Pelancong dari luar negara dapat mengetahui latar





masyarakat berbilang kaum dan etnik, kesenian, permainan dan pakaian tradisional yang terdapat di Malaysia. Melalui ini keunikan budaya masyarakat Malaysia dapat disebarluaskan kepada pelancong asing serta memberi imej yang sangat baik kepada negara.

Pelancongan menjadi suatu bidang pelaburan bijak yang dapat memacu pertumbuhan industri-industri berkaitan yang berperanan sebagai penyumbang dalam pembangunan Malaysia menuju ke arah negara maju (Azlina & Munira, 2011). Dalam era globalisasi ini, kebanyakan negara berlumba-lumba dalam memajukan industri pelancongan mereka untuk menjana pertumbuhan ekonomi melalui kemasukan wang asing. Kawasan-kawasan yang berpotensi dibangunkan bagi tujuan pelancongan dengan dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Pembangunan sesuatu destinasi pelancongan adalah melalui suatu proses evolusi, melainkan destinasi yang dirancang (Butler, 1980). Pembangunan pelancongan telah berjaya menaikkan imej negara Malaysia di mata dunia yang dapat dibuktikan melalui pengiktirafan UNESCO sebagai pelancongan warisan. Maka, penyelidikan dalam bidang pelancongan turut berkembang sebagai pemangkin pembangunan ekonomi wilayah dan negara. Industri pelancongan membawa kelebihan seperti tukaran mata wang asing, pemangkin kepada pertumbuhan dan pelengkap kepada pembangunan sektor ekonomi yang lain serta dapat memperkuatkan kedudukan imbang pembayaran negara (Tisdell, 1987).

Pelancongan adalah industri penghasilan yang luar biasa di Malaysia. Sektor ini dipilih sebagai mesin kedua untuk pertumbuhan negara untuk mengembangkan daya saing global. Industri ini memberi kesan positif terhadap ekonomi Malaysia



untuk meningkatkan pendapatan pertukaran wang asing, dan peluang pekerjaan (Bhuiyan et al., 2011). Malaysia memperoleh kedudukan ketiga dalam kedatangan pelancong di antara negara-negara Komanwel selepas Britain dan Kanada. Menurut statistik tahun 2005, pelancongan menyumbang lebih dari 40% dalam imbalan pembayaran Malaysia dan menjadi penghasil pertukaran wang utama negara (Malaysia, 2006). Pada tahun 2006, pelancongan menyumbang sektor pendapatan tukaran wang asing kedua terbesar selepas pembuatan. Pelancongan memperoleh pendapatan eksport sebanyak AS \$ 18.1 bilion yang merupakan 10% daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2006 (WTTC, 2006). Kerajaan Malaysia telah memberi penekanan pada pengembangan industri pelancongan pada pertengahan tahun 1980-an disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan penurunan aset petroleum. Kerajaan telah menujuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam hubungan ini. Pada tahun 2004, kementerian ini dinamakan sebagai 'Kementerian Pelancongan' (Fateh et al., 2009). Pengurus telah memperuntukkan dana yang cukup untuk menyediakan infrastruktur dasar dalam industri pelancongan. Malaysia memperoleh 2% bahagian pasaran global dari penerimaan pelancong masuk pada tahun 2008. Industri ini menggaji 1.7 juta pekerja atau kira-kira 16% daripada jumlah pekerjaan pada tahun 2008 (Economic Planning Unit, 2011b). Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerangka undang-undang dan institusi untuk memastikan pelancongan lestari.

Sektor ini telah diiktiraf sebagai salah satu industri perkhidmatan penting utama di dunia (Schumacher, 2007). Pelancongan adalah perkara yang berpotensi dalam tahap sosial, persekitaran dan ekonomi dalam banyak agenda kerajaan. Kerajaan melihat pelancongan sebagai alat pembangunan yang mengutamakan perlindungan

persekitaran dan tradisi dengan kesan negatif minimum (Liu & Wall, 2006). Pelancongan biasanya digunakan untuk memperluas peningkatan ekonomi sesebuah negara. Negara-negara Dunia Ketiga mendorong pembangunan pelancongan untuk kemajuan ekonomi mereka (Hall, 1995). Negara-negara miskin mengembangkan bandar dan wilayahnya dengan pelancongan. Kerajaan memandang pelancongan sebagai alat untuk pembangunan infrastruktur, peluang pekerjaan, memperoleh pertukaran wang asing, imbalan pembayaran, pembangunan wilayah dan menjana faedah bagi masyarakat setempat (Glasson et al., 1995). Pembangunan pelancongan dapat meningkatkan pendapatan dan pendapatan individu (Ahn et al., 2002)

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan yang agak menarik secara semulajadi. Antara destinasi pelancongan yang terkenal adalah negeri Melaka. Sejarah negeri Melaka yang melangkaui 600 tahun jelas terbukti dengan kewujudan bangunan-bangunan bersejarah dan warisan pelbagai budaya yang menarik.

Pada akhir abad ke-14, Melaka adalah perkampungan nelayan sederhana. Parameswara seorang putera yang mlarikan diri dari Sumatera yang berdekatan telah mendarat di pesisir Melaka dan mendirikan kota yang menjadi pelabuhan Selat Melaka yang strategik untuk menunggu pertukaran angin monsun dan memasuk semula kapal yang mengangkut. Pada tahun 1405 Melaka menjalinkan hubungan dengan Kaisar Ming untuk mendapatkan perlindungan daripada penjajah Siam. Lama-kelamaan peneroka Cina yang mengahwini orang Melayu tempatan menghasilkan bangsa baru yang digelar sebagai orang Baba Nyonya.

Zaman kegembiran Melaka yang berlatar belakang pelbagai kisah sejarahnya dengan kewujudan bangunan-bangunan bersejarah telah menjadikan Melaka sebagai tempat yang perlu dilawati (Azlina & Munira, 1982). Bandar Melaka telah diisytiharkan sebagai Bandar Bersejarah pada 15 April 1989. Setelah Melaka menjadi Bandar Bersejarah, menarik ramai pengunjung untuk melihat dan mendapatkan maklumat sejarah lampau yang terdapat di Negeri Melaka. Lamakelamaan kemasukan pengunjung yang ramai sama ada dari dalam atau luar negara telah memberikan imej kepada negeri Melaka sebagai destinasi pelancongan bersejarah utama di Malaysia (Yazid, 2010). Perkembangan imej ini menyebabkan kerajaan Melaka menambahkan kemudahan pelancongan untuk menarik ramai pelancong dengan memenuhi permintaan mereka. Banyak destinasi pelancongan warisan dan baru telah dibangunkan bagi mewujudkan satu suasana pelancongan yang



05-4506832



digemari oleh orang ramai.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Salah satu destinasi paling popular di bandar ini adalah Pasar Malam *Jonker Walk* Jumaat dan Sabtu yang menjadi tuan rumah kepada koleksi gerai yang menjual segala-galanya kecuali dapur kecil. Di sini anda boleh membeli pelbagai jenis perhiasan dan juga mencuba beberapa makanan tempatan yang terkenal di negara ini termasuk ais krim telur goreng dan kue lobak goreng. Pada waktu malam segelintir bar di sepanjang jalan raya menjadi pesta jalanan mini dengan meja-meja yang mengalir di luar kaki lima dan gabungan muzik *live*. (Economic Planning Unit, 2021)

Perkembangan industri pelancongan di Melaka menarik pelabur dan mewujudkan pelaburan yang dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Motif pelancong berkunjung ke negeri Melaka adalah berbeza mengikut citarasa mereka sendiri tetapi kebanyakan mereka melawat Melaka untuk melihat bangunan-bangunan

bersejarah (Ang, 2015). Oleh demikian, kerajaan negeri Melaka mengambil usaha intensif dalam mempromosi aktiviti pelancongan negeri Melaka sebagai destinasi utama pelancong luar negara (Tourism Malaysia, 2017). Di samping itu, sektor swasta juga menjalankan usaha-usaha yang berterusan bagi mempromosikan pelancongan negeri Melaka di mata dunia seperti mengadakan *Matta Fair*. Kerajaan negeri sedar akan kepentingan pelancongan melakukan pembangunan dan pengimplementasian pelbagai usaha dan strategi dalam mempromosikan destinasi pelancongan di Melaka untuk menarik pelancong.

UNESCO telah mengiktirafkan Melaka sebagai sebuah Bandaraya Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 dan kini dikenali sebagai ‘Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO’ (Donna, 2002). Perkara ini disokong dengan 12 sub sektor pelancongan yang terkenal di negeri Melaka seperti sejarah, budaya, rekreasi, sukan, membeli-belah, konvensyen, kesihatan, pendidikan, agro, makan-makan, slogan ‘Melaka Rumah Keduaku’ dan belia (Donna, 2002). Kini, kerajaan Melaka secara ringkas memberi gambaran yang dapat disajikan kepada pelancong yang datang ke Melaka melalui slogan “Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia”. Bagi mempertahankan kedudukan Melaka sebagai pusat pelancongan yang dikenali dunia, pihak *Tourism Melaka* telah mengambil langkah mempromosikan destinasi Melaka sebagai satu destinasi pelancongan yang utama bagi para pelancong sama ada dari dalam atau luar negara melalui media sosial seperti *Facebook* (Donna, 2002).

Usaha-usaha ini berjaya menarik bilangan pelancong yang ramai ke negeri Melaka setiap tahun di mana berlaku peningkatan iaitu daripada 2.17 milion orang pada tahun 2000 meningkat kepada 16.28 milion orang pada tahun 2016 dan kedatangan pelancong ke Melaka turut memberi impak secara langsung (Tourism

Melaka, 2017). Tempat-tempat pelancongan yang menarik di Melaka adalah seperti Masjid Kampung Kling, Masjid Selat, Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi, Kota A-Famosa, Menara Jam dan Air Pancut Queen Victoria, Galeri Laksama Cheng-Ho, Istana Kesultanan Melaka, Replika Kapal, Perkuburan, Belanda, Makam Hang Kasturi, Makam Hang Jebat, Makam Shamsudin Al-Sumatrani, Tokong Cheng Hong Teng, Gereja St Francis Xavier, Gereja Christ dan Gereja St. Paul dan Bukit St. Paul. Tambahan pula, terdapat juga muzium-muzium yang memelihara tinggalan sejarah seperti Muzium Sastera Malaysia, Muzium Seni bina Malaysia, Muzium Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan Muzium Sejarah Ethnografi (Stadthuys).

Selain itu, terdapat beberapa tarikan utama di Bandar Melaka seperti Menara Taming Sari, Muzium Samudera dan *River Cruise* adalah elemen baru dalam pembangunan pelancongan sebagai aktiviti rekreasi untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Melaka. Pembangunan moden ini dilaksanakan bagi mempelbagaikan elemen pelancongan kepada pelancong agar mereka dapat menikmati pelbagai elemen pelancongan selain pelancongan warisan dan budaya. Walaupun kita kenali Melaka sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sejarah penubuhan Kerajaan Melayu Melaka tapi kini pembangunan telah menyebabkan perubahan yang ketara dari pelbagai aspek. Yang membuka peluang kepada pelancong-pelancong dalam negara dan luar negara untuk menikmati kehalusan budaya tempatan dan alunan budaya moden untuk mengekalkan tradisi lama. Dataran Hang Tuah merupakan dan dataran yang telah dibina oleh kerajaan pada era moden ini tetapi dinamakan sempena nama seorang yang terkenal dalam sejarah Melaka. Pembangunan tidak menghapuskan nilai kredibiliti sesebuah negeri atau negara malah membantu usaha kerajaan dalam mengekalkan kebudayaan asal. Dengan pembangunan moden ini maka pelancong-



pelancong dari luar negara tidak perlu bergerak ke dua tempat yang berasingan untuk menikmati pelancongan moden.

Pembangunan pelancongan juga dapat memberi kesan secara langsung kepada alam sekitar di Melaka. Pelancongan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kualiti hidup atau kesejahteraan penduduk serta alam sekitar di sebuah bandar. Pelancongan boleh meningkatkan kualiti hidup melalui pelbagai cara seperti berehat, bersantai, berekreasi, menambah ilmu pengetahuan dan deria rasa untuk penghayatan keindahan semula jadi dan estetika (Constanta, 2009). Bagi memulihara alam sekitar, warisan sejarah dan budaya yang terdapat di sekitar Bandaraya Melaka, konsep pembangunan pelancongan lestari mula dipraktikkan. Kebanyakan pelancong yang berkunjung ke negeri Melaka hanya bersifat sementara, oleh itu melestarikan aktiviti pelancongan di Bandaraya Melaka adalah mencabar. Bagi meningkatkan kunjungan pelancong sama ada dalam atau luar negara, Kementerian Pelancongan Malaysia terus menjamin kelestarian aktiviti pelancongan. Sehubungan itu, setiap perancangan pembangunan pelancongan di negeri Melaka dijalankan berpandukan dengan konsep pembangunan lestari agar keindahan yang dinikmati sekarang dapat dibawa kepada generasi akan datang. Bagi memastikan alam sekitar, warisan sejarah dan budaya yang terdapat di sekitar Bandaraya Melaka dapat dipulihara maka konsep Petunjuk Pelancongan Lestari mula dipraktikkan.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Pembangunan sektor pelancongan menjadi lebih progresif, berdaya maju dan dinamik dengan membina, memperluas dan mempelbagaikan asas ekonomi negara. Tetapi





dalam mengejar pembangunan yang pesat manusia sering mengabaikan aspek kelestarian alam sekitar. Di mana dapat dilihat amalan kelestarian alam sekitar yang rendah di Bandar Melaka (Zaipul Anwar Zainu, 2020). Kelemahan pihak berwajib dalam menguruskan alam sekitar juga didapati menyumbang kepada masalah alam sekitar di kawasan kajian. Hal ini menyebabkan alam sekitar tercemar dan tidak berupaya untuk dipulihkan bagi suatu jangka masa yang tertentu. Pembangunan pelancongan mestilah berlandaskan kepada aspek lestari di mana alam sekitar dijaga sepanjang masa. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan pihak-pihak lain untuk terus memelihara dan amalkan usaha memulihara alam sekitar.

Manakala, pengetahuan asas masyarakat Melaka Tengah tentang kelestarian

alam sekitar masih tidak mencukupi dalam mewujudkan sebuah komuniti dan persekitaran yang lestari. Terdapat juga banyak rumah tradisional Melayu di Melaka yang tidak mendapat penjagaan dan pengurusan yang cekap dan sempurna daripada tuan rumah. Hal ini disebabkan isu keperluan dan perbelanjaan sehari-hari untuk mewujudkan suasana persekitaran rumah tradisional. Hanya segelintir penduduk yang mempunyai kecenderungan untuk melibatkan diri dalam pelbagai program pengurusan rumah tradisional yang dijalankan di kampung sebagai pengusaha *homestay*. Perkara ini menunjukkan kurang pengetahuan masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar mahupun pelancongan.

Alam sekitar merupakan sumber yang tidak ternilai dan menjadi fokus utama industri pelancongan. Di negara yang kurang maju, terdapat kecenderungan bahawa dasar pelancongan lebih menekankan tujuan ekonomi daripada bagaimana pelancongan dan alam sekitar dapat saling menguntungkan. Persekitaran adalah aspek



utama dalam industri pelancongan, sementara pemeliharaan dan pemuliharaannya dapat membawa imej positif kepada industri pelancongan. Di destinasi pelancongan di mana persekitaran semula jadi bukan tarikan utama malah kesedaran tentang persekitaran yang bersih dan sihat tidak boleh diabaikan.

Pengurusan alam sekitar adalah pendekatan sistematik untuk memastikan pengurangan kesan alam sekitar dengan peningkatan permintaan di sektor hotel dan pelancongan. Walau bagaimanapun, pengurusan persekitaran menyediakan organisasi atau hotel dengan amalan yang lebih cekap dan meningkatkan kelestarian. Namun, masalah utamanya adalah bagaimana pengaruhnya terhadap industri, apa yang sedang dilakukan industri ini dan bagaimana pengaruhnya terhadap harapan pelancong.

Banyak destinasi mempromosikan ekopelancongan dan pelancongan lestari yang mana dapat membantu mendidik masyarakat mengenai kesan pelancongan terhadap alam sekitar. Destinasi seperti Costa Rica dan *The Gambia* mempunyai inisiatif ekopelancongan yang hebat yang mempromosikan aktiviti dan sumber yang mesra alam. Terdapat juga banyak taman nasional, rizab permainan dan kawasan pemuliharaan di seluruh dunia yang membantu mempromosikan kesan positif pelancongan terhadap alam sekitar. Pelancongan selalunya tidak dapat berjaya tanpa persekitaran yang menarik kerana hakikatnya bergantung kepadanya (Rosniza Aznie et.al, 2016)

Aspek tradisional dalam pelancongan kini telah hilang dengan pembangunan yang drastik di sekitar kawasan pelancongan. Tetapi apa yang kita perlu beringat ialah bahawa sesebuah negara harus mementingkan kebudayaan dan tradisi untuk menarik pelancong. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya tradisional menjadi satu

kewajiban untuk mengekalkan identitinya supaya tidak mengalami kerosakan atau kecacatan agar dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi akan datang.

Dalam perkembangan dan pembangunan sektor pelancongan di Melaka Tengah terutamanya di Bandar Melaka, permintaan pelancong terhadap perkhidmatan-perkhidmatan seperti pengangkutan, penginapan, makanan, rekreasi, tandas awam dan hiburan telah pun meningkat. Dalam memenuhi permintaan pelancong, pihak berwajib merancang pembangunan pesat sektor pelancongan. Kesemua ini membawa kepada perubahan persekitaran yang adakalanya menjelaskan ekosistem kawasan di Melaka Tengah. Kedatangan pelancongan yang ramai turut meningkatkan penjanaan sampah yang banyak. Di mana, pengurusan bahan buangan juga mengalami gangguan. Oleh sebab itu, secara tradisinya menunjukkan bahawa pelancongan boleh mengakibatkan akibat negatif terhadap alam sekitar (Cooper et al., 1998). Sifat pembangunan yang sangat terpolarisasi juga menimbulkan masalah persekitaran yang teruk. Ini mengurangkan kualiti hidup penduduk tempatan serta juga pelancong dan akhirnya boleh mengancam daya maju industri pelancongan itu sendiri (Williams & Shaw, 1991).

Pencemaran dari pelancong memberi kesan pada tahap global yang mengganggu penduduk tempatan. Sisa pepejal dan sampah di alam merosakkan persekitaran semula jadi (UNEP, 2001). Di daerah kegiatan pelancongan dan daya tarik alam yang menarik, pembuangan sampah adalah masalah serius dan pembuangan yang tidak betul dapat menjadi penghancur utama persekitaran semula jadi terhadap sungai, kawasan indah, dan tepi jalan.

Tekanan penduduk, sifat pengotor pelancong, peniaga atau pengusaha yang mengutamakan keuntungan, kelemahan perancangan dan penguatkuasaan dalam



penjagaan alam sekitar juga menjadi sebab memudaratkan ekosistem kawasan kajian (Zaipul Anwar Zainu, 2020). Ekosistem yang teraniaya akan mengancam sumber pendapatan sesebuah negara terutamanya kawasan pelacongan dan masyarakat yang berada di sekeliling.

Pembangunan dan arus pemodenan yang semakin pesat memberi tekanan terhadap warisan dan budaya secara tidak langsung. Perubahan pembangunan ini memberi ancaman kepada bangunan dan monumen. Tapak pembinaan Dataran Pahlawan merupakan tapak asal tinggalan warisan. Kerja-kerja pembinaan akan memberi kesan terhadap struktur bangunan warisan yang berhampiran (Markarius Anwar, 2007).

Manakala, pembinaan Menara Taming Sari yang menjadi mercu tanda adalah

berketinggian 110 meter di kawasan Melaka Tengah dalam meningkatkan kedatangan pelancong juga dianggap tidak lestari (Markarius Anwar, 2007). Pembinaan sesuatu bangunan yang baru dan mega di kawasan warisan adalah tidak sesuai mengikut prinsip kelestarian. Pada asalnya pembinaan ini dijalankan diatas tapak bekas runtuhan Kota A Famosa dan kerja pembinaan ini menyebabkan banyak kemusnahan terhadap runtuhan tersebut (Yazid, 2010). Walaupun, Menara Taming Sari dipindahkan ke tempat pembinaan tetapi kemusnahan terhadap warisan budaya runtuhan Kota A Famosa adalah satu kerugian yang amat besar.

Tambahan pula, pembangunan pelancongan di Melaka turut menyebabkan berlakunya perubahan sosial dalam masyarakat setempat. Perubahan sosial pada dasarnya merujuk kepada perubahan cara masyarakat bertindak atau berkelakuan. Contohnya, di Melaka terdapat masyarakat berbilang kaum dengan pelbagai budaya unik seperti Baba-Nyonya, orang Bugis dan orang Portugis. Namun begitu,





kedatangan pelancong yang berterusan sedikit sebanyak membawa kepada perubahan budaya setempat yang tercemar oleh pengaruh budaya pelawat yang lebih maju dan moden (Badaruddin & Nikmatul, 2007). Kualiti hidup masyarakat setempat di Melaka juga berlaku perubahan melalui pembangunan pelancongan ini. Gaya hidup moden yang berunsurkan budaya barat telah diasimilasikan dalam kehidupan harian mereka. Proses pembangunan dan pemodenan ini telah menghakis nilai-nilai tradisional masyarakat di Melaka yang mengganggu kelestarian sosial (Badaruddin & Nikmatul, 2007).

Kesan sosio-budaya daripada peningkatan permintaan dan kunjungan pelancong adalah menghalang kegiatan harian penduduk tempatan seperti kesesakan di tempat-tempat pelancong, tempat awam, dan pengangkutan awam. Pertumbuhan jumlah pelancong di luar kemampuan destinasi juga dapat menambahkan tekanan pada infrastruktur dan perkhidmatan yang ada sehingga memberi kesan terhadap kegiatan penduduk setempat dan pelancong. Di kawasan bandar, penyebaran pelancong di luar 'zon' pelancongan seperti ke kawasan perumahan dapat menyebabkan keterasingan masyarakat setempat. Disebabkan oleh tingkah laku pelancong yang tidak sesuai menyebabkan peningkatan pencemaran bunyi di kawasan lalu lintas pejalan kaki dan kenderaan, penurunan spesifik infrastruktur dan kemudahan.

Tambahan pula, kedatangan pelancong menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas di kawasan bandar terutamanya laluan di Bangunan Stadhuis, Dataran Pahlawan dan Jonker Walk. Hal ini kerana kebanyakan jalan di Melaka Tengah adalah jalan sehala. Perkara ini menyebabkan penduduk tempatan sukar untuk



menjalankan aktiviti harian mereka. Semua orang perlu melalui jalan di Bandar Melaka setiap kali mereka ke pejabat atau pusat membeli-belah. Selain itu, pembukaan dan pembinaan bangunan baru seperti hotel dan resort, menjadikan Melaka semakin sesak terutamanya di kawasan Bandar Melaka. Fenomena ini, menyentuh bahagian ekologi bandar yang tidak diurus dengan baik. Kepesatan pembangunan meningkatkan lagi kuantiti kenderaan berada di Bandar Melaka yang menambah kesesakan jalan dan pencemaran bunyi (Abas et. al, 2017).

Ketika pelancongan bergerak ke abad ke-21, pembangunan pelancongan harus menjadikan persekitaran sebagai keutamaan. Pelancongan bukan sahaja merupakan kekuatan ekonomi tetapi juga faktor persekitaran fizikal. Segala bentuk pembangunan industri pelancongan membawa kesan terhadap persekitaran fizikal. Berdasarkan isu yang dibincangkan, satu kajian perlu dibuat untuk mengkaji perubahan yang berlaku terhadap pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah dengan berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah menetapkan tiga persoalan kajian yang selaras dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji telah menetapkan persoalan kajian yang selaras dengan tajuk untuk mendapatkan analisis yang selaras dan berpatutan. Menerusi persoalan kajian ini juga pengkaji telah menetapkan objektif kajian dan hipotesis kajian.

1.1.1 Apakah tahap pengetahuan penduduk tempatan tentang pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah?



- 1.1.2 Sejauh manakah perubahan pembangunan pelancongan warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari dari perspektif penduduk tempatan?
- 1.1.3 Apakah kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah?

1.5 Objektif Kajian

- 1.1.4 Mengenalpasti tahap pengetahuan penduduk tempatan tentang pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah.
- 1.1.5 Menganalisis perubahan pembangunan pelancongan warisan melalui Petunjuk Pelancongan Lestari dari perspektif penduduk tempatan.
- 1.1.6 Mengkaji kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah.



1.6 Hipotesis Kajian

- 1.1.7 Terdapat hubungan antara tahap pengetahuan penduduk dengan pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah.
- 1.1.8 Terdapat hubungan antara tahap pengetahuan penduduk dengan kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah.
- 1.1.9 Terdapat hubungan antara pembangunan pelancongan dengan kelestarian pelancongan warisan.





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memanfaatkan kepada orang ramai dan pelancong mengenai pembangunan pelancongan. Kajian ini dapat memberikan satu penjelasan kepada masyarakat mengenai kepentingan penggunaan Petunjuk Pelancongan Lestari dalam pembangunan pelancongan warisan di negeri Melaka. Kajian ini membantu melahirkan persepsi positif masyarakat untuk melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan secara lestari di tempat mereka.

Kajian ini juga akan memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan terutamanya pelancong dalam menjaga kelestarian pelancongan. Dalam peredaran zaman, masyarakat mungkin dapat mengatasi isu-isu berkaitan pembangunan pelancongan dengan merujuk kepada Petunjuk Pelancongan Lestari.



Cabaran utama industri pelancongan di destinasi pelancongan pada abad ke-21 adalah untuk mengekalkan gabungan keadaan ekonomi, sosial dan persekitaran yang mampan dalam pasaran yang semakin kompetitif kerana pengguna mencari produk mesra alam dan mempunyai pemahaman yang lebih besar mengenai kesan pelancongan terhadap persekitaran semula jadi (Andrews, 2003; Tourism Victoria, 2009). Dalam konteks pelancongan, definisi pelancongan lestari yang tepat adalah “Pelancongan yang memenuhi kebutuhan pelancong saat ini dan daerah tuan rumah sambil melindungi dan meningkatkan peluang untuk masa depan” (WTO, 1993). Pelancong nampaknya semakin prihatin akan kerosakan alam sekitar dan khususnya pengaruh dinamik mereka terhadap alam sekitar.

Walaupun begitu, peningkatan kesedaran tidak menunjukkan perubahan dalam niat tingkah laku (Antimova, Nawijn & Peeters, 2012). Pelancongan sering dikagumi



kerana kemampuannya untuk menggabungkan tujuan pemuliharaan dan pembangunan di destinasi pelancongan (Borges et. al., 2011; Figgis & Bushell, 2007). Namun, jika pelancongan tidak dirancang dengan baik dan tidak dikendalikan dengan betul, sebaliknya dapat menyebabkan kerosakan ekosistem, kehilangan biodiversiti, dan pengaruh negatif kepada masyarakat setempat. Oleh itu, adalah mustahak untuk pelancongan diuruskan dengan betul dan menjaga prinsip pelancongan lestari.

Menurut Murphy (2013) sumber semula jadi adalah alasan kewujudan industri pelancongan dan pengawasan sumber jaya alam sangat penting untuk keberhasilan dan kelangsungan hidupnya yang berterusan, yang menekankan pentingnya kelestarian alam sekitar dalam menarik pelancong. Tambahan pula, kenaikan kepenggunaan hijau meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelancong yang menyebabkan permintaan yang lebih besar akan keaslian di destinasi pelancongan (WTTC, 2011). Oleh itu, industri pelancongan mesti berusaha memelihara persekitaran semula jadi dan memastikan penggunaan sumbernya secara lestari untuk kepentingan destinasi tuan rumah dan generasi akan datang. Kelestarian alam sekitar adalah keadaan di mana tuntutan yang diberikan terhadap alam sekitar dapat dipenuhi tanpa mengurangi kemampuannya untuk memungkinkan semua orang hidup dengan baik, sekarang dan masa depan (Hawken, 2009). Pelancongan dalam kebanyakan kes bergantung pada persekitaran di mana ia berada. Lazimnya, persekitaran semula jadi pelancong datang untuk melihat (Adams, 2006). Dalam hal ini, tujuan utama kelestarian alam sekitar adalah menjaga kesejahteraan ekosistem. Dari sudut pandang pemuliharaan, pelancongan dapat mengumpulkan dana untuk tujuan pelancongan, meningkatkan kesedaran tempatan dan pelancong mengenai kepelbagaiannya biologi dan isu-isu pemuliharaan serta mencegah orang tempatan dari tempat tinggal yang tidak berkelanjutan (Borges et al., 2011).

Tambahan pula, kajian ini akan menggalakkan pihak pengurus untuk berusaha melaksanakan ceramah dan kempen kesedaran dalam mengekalkan kelestarian destinasi pelancongan. Pihak berkuasa akan lebih peka dengan perancangan pembangunan pelancongan agar sentiasa mengekalkan kelestarian destinasi tersebut. Persatuan-persatuan dan badan-badan pelancongan atau alam sekitar juga boleh mengadakan promosi, kempen kesedaran dan ceramah bagi mengekalkan kelestarian destinasi pelancongan dan meminimumkan impak pembangunan pelancongan terhadap alam sekitar.

Kajian ini membantu pengkaji akan datang untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Selain itu, kajian ini membolehkan pihak-pihak tertentu mengambil langkah seterusnya untuk menjaga kelestarian destinasi pelancongan, memulihara bangunan-bangunan bersejarah serta menjaga kualiti hidup masyarakat setempat. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai item kajian literatur oleh pengkaji akan datang yang ingin membuat kajian dalam bidang ini. Kajian ini memberi sumbangan kepada kajian literatur masa depan.

Kerajaan tempatan telah menjadi arena penting untuk perbincangan mengenai penafsiran dan pelaksanaan pembangunan lestari (UNEP, 2001). Sudah tentu, terdapat banyak kesepakatan bahawa pihak berkuasa tempatan harus berperanan dalam menentukan arah strategik untuk pelancongan dalam suatu tujuan (Hardy & Beeton, 2001). Walaupun begitu, pemerintah mempunyai peranan penting dalam membuat konteks dan merangsang tindakan untuk memastikan pelancongan lebih lestari di masa depan (Brokaj, 2014). Bramwell & Lane (2011) menunjukkan bahawa pemerintah tempatan berperanan dalam memfasilitasi dan menerajui pembangunan pelancongan lestari. Majlis Daerah menetapkan isu-isu strategik yang mempengaruhi

sumber daya alam dan fizikal dan menghasilkan kerangka panduan untuk kebijakan di wilayah masing-masing.

Walau bagaimanapun, Penguasa tempatan mengambil tanggungjawab utama untuk merancang di peringkat tempatan, dan bagi pemaju pelancongan, majlis tempatan biasanya merupakan titik pertama hubungan dengan sistem perancangan (Connell et al., 2009). Penguasa tempatan harus menyediakan lingkungan yang memungkinkan dan mendorong sektor swasta, masyarakat setempat, pelancong dan pihak berkepentingan lain untuk menyedari masalah kelestarian. Pihak berkuasa tempatan memiliki tanggungjawab untuk perancangan penggunaan tanah, aplikasi pengembangan untuk penggunaan tanah yang berkaitan dengan pelancongan, dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam setempat (Hall, 2000). Sesungguhnya penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan oleh pihak berkuasa tempatan dapat memiliki pengaruh yang signifikan terhadap citra dan daya tarikan suatu destinasi, kedalaman dan kepelbagaiannya produk yang ada (Dredge, 2001).

Hardy dan Beeton (2001) berpendapat bahawa peranan kerajaan seharusnya mendorong pemacu pelancongan yang lestari dalam tujuan mereka. Mereka harus menetapkan arah strategik untuk pelancongan dalam suatu destinasi. Dalam praktiknya, kerajaan negeri sering bekerja mengikut kerangka negara nasional dan sering menjadi pengaruh utama terhadap pemerintahan, termasuk pembuatan kebijakan untuk pembangunan lestari (Newman & Clark, 2009). Ini adalah sebab penting mengapa lebih banyak penyelidikan diperlukan mengenai peranan dan aktiviti kerajaan tempatan yang mempengaruhi pelancongan dan kelestarian di destinasi. Tanpa campur tangan kerajaan tempatan, objektif pelancongan lestari mungkin



bergantung pada tindakan sukarela atau pengaturan diri, dan tidak semua sektor akan mendatangkan kesan secara positif.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar Daerah Melaka Tengah terutamanya di bahagian Bandar Melaka. Rasional pengkaji memilih Bandar Melaka sebagai kawasan kajian adalah kerana Bandar Melaka kaya dengan bangunan-bangunan bersejarah yang menjadi destinasi tarikan utama pelancong ke negeri Melaka. Oleh itu, pengkaji boleh mendapat lebih banyak maklumat yang sah mengenai kajian ini daripada penduduk dan para pelancong di kawasan kajian. Kajian ini tertumpu kepada semua penduduk di Bandar Melaka. Penduduk yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah seperti peniaga atau individu yang bermastautin di Bandar Melaka dan sekitarnya tanpa mengira bangsa, jantina, kaum dan umur kerana mereka lebih mengetahui keadaan semasa kawasan kajian.

1.9 Definisi Operasi Kajian

1.9.1 Pembangunan Pelancongan Lestari

Menurut Ginanjar Kartasasmita (1994), pembangunan bermaksud suatu proses perubahan ke arah yang lebih baik melalui upaya yang dilakukan secara terencana. Seterusnya, mengikut Portes (1994) pembangunan didefinisikan sebagai transformasi ekonomi, sosial dan budaya. Pembangunan pelancongan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada perubahan ekonomi dan sosial yang berlaku sama ada dalam industri atau destinasi pelancongan. Manakala, pembangunan pelancongan





lestari adalah memelihara, menambah nilai dan ditambahbaikkan sumber jaya di kawasan pelancongan supaya dapat digunakan secara berterusan pada masa akan datang serta membawa manfaat kepada masyarakat semasa (Fatimah & Fauziah, 2010). Dalam kajian ini, pembangunan pelancongan lestari merujuk kepada pembangunan pelancongan yang dibuat di Melaka Tengah secara mampan.

Pelancongan Lestari, salah satu yang mewujudkan keseimbangan yang sesuai antara aspek alam sekitar, ekonomi dan sosio-budaya pembangunan pelancongan, memainkan peranan penting dalam pemuliharaan biodiversiti. Ia berusaha untuk meminimumkan kesannya terhadap lingkungan dan budaya tempatan sehingga dapat tersedia untuk generasi akan datang, sambil menyumbang untuk menjana pendapatan, pekerjaan, dan pemuliharaan ekosistem tempatan. Dengan berbuat demikian, pelancongan lestari memaksimumkan sumbangsa positif pelancongan untuk pemuliharaan dan pengurangan kemiskinan serta pencapaian tujuan bersama ke arah pembangunan lestari. Pelancongan lestari memberikan insentif ekonomi penting untuk perlindungan habitat. Pendapatan dari perbelanjaan pengunjung sering disalurkan ke dalam program pemeliharaan alam semula jadi atau peningkatan kapasiti bagi masyarakat tempatan untuk menguruskan kawasan terlindung. Tambahan pula, pelancongan dapat menjadi wahana utama dalam meningkatkan kesedaran dan memupuk perubahan tingkah laku positif untuk pemuliharaan biodiversiti di antara berjuta-juta orang yang melakukan perjalanan di dunia setiap tahun. (Defining Sustainable Tourism, 2021)

Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisikan pelancongan lestari sebagai pelancongan yang memenuhi keperluan pelancong sekarang dan wilayah tuan rumah sambil melindungi dan meningkatkan



peluang untuk masa depan. Oleh itu, perkara ini tidak terpisahkan dari semua aspek pembangunan dan pengurusan pelancongan daripada menjadi komponen tambahan. Objektif pelancongan lestari adalah untuk mengekalkan kelebihan ekonomi dan sosial pembangunan pelancongan sambil mengurangkan kesan yang tidak diingini terhadap persekitaran semula jadi, bersejarah, budaya atau sosial. Ini dicapai dengan menyeimbangkan keperluan pelancong dengan tujuan. (Defining Sustainable Tourism, 2021)

"Pembangunan pelancongan lestari memenuhi kebutuhan para pelancong saat ini dan kawasan pelancongan melindungi dan meningkatkan peluang untuk masa depan. Ini dianggap mengarah pada pengelolaan semua sumber sedemikian rupa sehingga kebutuhan ekonomi, sosial dan estetika dapat dipenuhi sambil menjaga integritas budaya, proses ekologi penting, kepelbagaiannya biologi, dan sistem sokongan kehidupan. " Walaupun pelancongan disambut hampir secara global, faedah dan peluang yang diciptakannya terdapat pengakuan yang semakin meningkat mengenai perlunya melihat pelancongan dalam konteks persekitarannya untuk mengakui bahawa pelancongan dan alam sekitar saling bergantung serta bekerja untuk memperkuat hubungan positif antara pelancongan, persekitaran dan pengurangan kemiskinan. (Sustainable Tourism - Definition, Principles, and Dimensions of Sustainable Tourism, 2018)

Pelancongan Lestari adalah fenomena tahun 1990-an, namun asal usulnya terletak pada konsep pembangunan lestari yang lebih luas (Swarbrooke, 1998). Pelancongan lestari beroperasi selaras dengan persekitaran, komuniti dan budaya setempat, sehingga dapat menjadi manfaat kekal dan meminimumkan kesan negatif pembangunan. Mencapai kesinambungan bergantung pada keseimbangan inisiatif



swasta, instrumen ekonomi dan peraturan, menerjemahkan prinsip global menjadi tindakan tempatan yang fokus, dan mekanisme penyampaian sektor awam-swasta yang baru. Ini mungkin mempunyai budaya pelancongan baru dan perlu yang memusatkan perhatian kepada alam sekitar sebagai subjek mentah yang sah untuk pembangunan pelancongan lestari.

Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO) pembangunan pelancongan lestari memenuhi keperluan pelancong sekarang dan wilayah tuan rumah sambil melindungi dan meningkatkan peluang untuk masa depan. Oleh itu, pembangunan pelancongan yang berkelanjutan dapat dilihat sebagai pengelolaan semua sumber sedemikian rupa sehingga kita dapat memenuhi keperluan ekonomi, sosial, dan estetika sambil menjaga integritas budaya, proses ekologi penting, kepelbagaian biologi, dan sistem sokongan kehidupan.



Tujuh dimensi yang digabungkan dalam definisi ini memberikan contoh yang sangat baik mengenai kebimbangan multidimensi dan interdisipliner umum. Keperluan untuk pengurusan sumber menegaskan bahawa pelancongan adalah aktiviti ekonomi, yang mesti mampu menghasilkan keuntungan agar dapat bertahan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Pemenuhan kewajiban sosial, lebih bererti daripada ekuiti antara generasi, ini bermaksud menghormati mata pencarian dan adat istiadat lain. Kepelbagaian dan warisan semacam itu adalah sumber utama pelancongan di dunia yang cepat diselaraskan menjadi ekonomi global. (Bloyer et. al., 2004)

Komponen utama persekitaran dan budaya adalah daya tarikan estetik mereka. Walaupun tumpuan sering diberikan kepada penanda antarabangsa, seperti laman web terkenal di dunia, kualiti estetika pemandangan bandar biasa dan pemandangan umum





tidak boleh dilupakan. Keperluan ini harus ditangani dalam parameter ekologi untuk mempertahankan persekitaran fizikal dan manusia. Sebagai tambahan kepada keprihatinan sebenar mengenai persekitaran semula jadi, pemuliharaan warisan budaya tidak boleh diabaikan. Proses ekologi perlu difahami agar pencerobohan pelancongan akan memberi kesan minimum (Bloyer et. al., 2004). Keprihatinan untuk mengekalkan kepelbagaian biologi kita terutama berkaitan dengan pelancongan, yang berkembang berdasarkan daya tarikan flora dan fauna yang berbeza di sepanjang rasa tempat yang khas.

Pelancongan lestari memerlukan usaha bersepadu di lima kawasan. Kelestarian sememangnya konsep multidimensi dan mencapai kelestarian memerlukan menangani beberapa bidang yang berbeza. Ini merangkumi pertumbuhan ekonomi, penjanaan pekerjaan, perlindungan alam sekitar, warisan budaya, dan saling memahami dan menghormati. Mencapai pelancongan yang lebih lestari, mesti ada kemajuan yang konkret dalam kelima-lima bidang tersebut. Inilah sebabnya mengapa pendekatan holistik diperlukan. Urus tadbir dan dasar yang berkesan diperlukan untuk mengoperasikan setiap lima tonggak. Cabarannya terletak pada memastikan sumber daya dan kemampuan kewangan yang diperlukan dalam agensi kerajaan untuk dilaksanakan.

1.9.2 Pelancongan Warisan

Pelancongan warisan merujuk kepada tugu-tugu negara, muzium, bangunan bersejarah dan budaya tradisi negara yang dipelihara seperti amalan agama, adat



resam, dan corak keluarga (Baharuddin & Nikmatul, 2007. Pelancongan warisan boleh diambilkira sebagai subset kepada pelancongan kebudayaan seperti lawatan akademik, lawatan ke tempat-tempat bersejarah, lawatan untuk mengkaji keindahan alam dan lain-lain. Sumber utama pelancongan warisan adalah tinggalan sejarah seperti bangunan bersejarah, tapak arkeologi, tugu dan artifak budaya. Bagi kajian ini, pelancongan warisan merujuk kepada tapak dan bangunan bersejarah serta budaya masyarakat di Bandar Melaka dengan merujuk kepada definisi yang diberikan oleh Baharuddin dan Nikmatul (2007).

Pelancongan bersejarah atau warisan bermaksud melancong dengan tujuan utama untuk menerokai sejarah dan warisan tempat. Ini mungkin bermaksud lawatan sederhana seni bina sejarah yang terkenal, mengunjungi muzium tempatan yang mendokumentasikan masa lalu melalui artifak, seni, dan peninggalan sastera, atau bahkan sesuatu yang pelik seperti mencicipi resipi sejarah yang sahih di tempat asalnya. Orang sering menggabungkan cinta sejarah dengan keseronokan pelancong lain seperti membeli-belah, lawatan ke taman hiburan, dan penginapan resort mewah. Oleh itu, tempat-tempat yang mempunyai warisan yang kaya dan pada masa yang sama, merancang infrastruktur pelancongan yang baik untuk memenuhi semua kategori pelancong mendapat nilai tertinggi dari segi populariti sebagai destinasi pelancongan. Sebagai contoh, bandar Budapest menawarkan beberapa kelazatan yang luar biasa termasuk keagungan seni bina dan tempat mandi bersejarah yang menjadikannya satu masa lalu dan semua ini menjadi lebih memikat apabila ditambah dengan kehidupan malam yang hebat, di mana pub runtuhan tanda dagangannya adalah bahagian yang menonjol. (eTravel Blog, 2019)

Penggunaan utama istilah pelancongan budaya melibatkan penggunaan pelbagai jenis manifestasi budaya seperti warisan, seni, cerita rakyat dan lain-lain oleh pelancong. Pelancongan budaya secara umum dapat dilihat sebagai hubungan sosiobudaya antara orang-orang yang dipromosikan dan disederhanakan oleh pelbagai pelaku termasuk perancang, ahli politik, penyelidik, profesional pemasaran, agensi pelancongan dan sebagainya. Pelancongan budaya boleh dianggap sebagai pertemuan antara sistem sosial dan budaya yang akan menghasilkan perubahan pada kedua-duanya (Smith, 1992). Sebagai amalan sosial, pelancongan budaya membina semula atau membina identiti (contohnya nasionalisme, identiti sosial, dan transnasionalisme) dan akhirnya akan menyumbang kepada globalisasi dan menjebak dunia global. (Bauman, 1999).

Bonink (1992) mengenal pasti dua pendekatan mengenai definisi pelancongan budaya; pendekatan 'tapak dan monumen', dengan fokus untuk menjelaskan jenis tarikan yang dikunjungi oleh pelancong budaya, yang terutama menggambarkan budaya sebagai produk (Richards, 1996). Pendekatan kuantitatif ini hanya menganggap pelancongan budaya sebagai pengguna tarikan budaya dan mencadangkan pandangan yang agak terhad mengenai motivasi dan aktiviti pelancong budaya, sehingga membatasi analisisnya ke tempat tarikan dan lokasi tertentu. Sebagai contoh, pendekatan tapak dan monumen pelancongan budaya biasanya menganggap tarikan dan lokasi berikut sebagai ungkapan budaya 'tidak berwujud' dan 'nyata' yang menarik minat pelancong budaya (ECTARC, 1989).

Pendekatan kedua, yang disebut 'pendekatan konseptual', berusaha untuk menentukan pelancongan budaya dengan cara yang lebih kualitatif dengan menganalisis amalan, pengalaman dan makna pelancongan budaya yang bersentuhan



dengan tempat dan budaya lain. Seperti yang dijelaskan oleh Richards (1996) iaitu "Seperti pelancongan secara umum, definisi konseptual pelancongan budaya cuba menggambarkan motif dan makna yang melekat pada aktiviti pelancongan budaya."

Sebagai contoh, McIntosh dan Goeldner (1986) mendefinisikan "pelancongan budaya" termasuk "semua aspek perjalanan, di mana pelancong menjadi biasa dengan warisan dan sejarah orang lain atau cara hidup atau pemikiran mereka yang kontemporari ". Dengan kata lain, proses dan produk budaya lain adalah apa yang ditawarkan oleh pelancongan budaya kepada pelancong budaya.

Tambahan pula, Pereiro (2002) berpendapat bahawa dari sudut ini , pelancongan budaya dapat didefinisikan dengan cara yang berbeza sebagai proses komodifikasi, nostalgia untuk warisan dan masa lalu, pengalaman psikologi, proses pembelajaran dan rasa ingin tahu, bentuk ziarah moden, sebagai industri yang mewakili nilai-nilai budaya dan sebagai cara penggunaan budaya yang khusus.

Kajian lebih lanjut mengenai definisi konseptual pelancongan budaya menunjukkan bahawa pendekatan ini mendorong perpindahan dari budaya sebagai pro saluran ke budaya sebagai proses atau definisi budaya "cara hidup" yang dapat dilihat dalam minat pelancong yang semakin meningkat untuk mengalami gaya hidup, adat istiadat dan kehidupan harian orang di pelbagai tempat. Dengan kata lain, keasyikan pelancongan sebelumnya dengan sumber semula jadi dan landskap nampaknya lebih banyak melibatkan penggunaan deria dan simbolik idea dan gambar yang berkaitan dengan destinasi tertentu (OECD, 2009). Pola penggunaan budaya yang berkembang dan beragam ini bagi pelancong yang terutama berurusan dengan elemen tidak ketara menjadikan konsep pelancongan bermotivasi budaya dan pelancongan budaya menjadi lebih sukar.



1.9.3 Petunjuk Pelancongan Lestari

Pelancongan lestari disatukan di peringkat antarabangsa sebagai pendekatan yang harus digunakan untuk menjadikan semua jenis pelancongan lebih bermanfaat dari segi lingkungan, sosial dan ekonomi. Amalan umum adalah menggunakan sistem penunjuk untuk merancang dan melaksanakan model pelancongan yang memfokuskan pada pendekatan keberlanjutan. Petunjuk dianggap sebagai alat yang berguna yang membolehkan pengurus pelancongan mendiagnosis keadaan destinasi, dan untuk mengenal pasti dan menilai masalah yang memerlukan penanganan untuk meningkatkan tahap keberlanjutan kegiatan pelancongan. Walau bagaimanapun, sistem penunjuk ini biasanya tidak memberikan panduan praktikal untuk menentukan bagaimana mentafsirkan maklumat dan bagaimana mengintegrasikannya ke dalam pembuatan keputusan.

Pelancongan memerlukan proses perancangan lestari, yang memastikan bahawa destinasi mempunyai ekonomi yang stabil, memelihara keadaan persekitaran dan budaya mereka. Organisasi Pelancongan Dunia (UNWTO), selama dua dekad, telah menerapkan satu set petunjuk untuk menentukan kelestarian pelancongan. Panduan UNWTO telah menjadi titik rujukan penting bagi komuniti saintifik, untuk organisasi perencanaan tertentu, dan untuk pihak berkepentingan pelancongan. Panduan ini menerangkan tahap-tahap penting dalam penjelasan dan penerapan STI. Tahap-tahap ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori seperti reka bentuk, aplikasi dan penilaian. Penting untuk disebutkan bahawa panduan ini diuraikan oleh panel pakar dari seluruh dunia, yang menjamin bahawa aplikasinya akan berfungsi dalam scenario yang tidak sama. (Aguilar-Becerra et. al, 2017)

Dalam pembangunan pelancongan lestari, petunjuk ini digunakan bagi menentukan hala tuju perancangan dalam memudahkan pencapaian matlamat pembangunan pelancongan secara lestari. Terdapat beberapa petunjuk pelancongan lestari yang menjadi asas rujukan kepada sesuatu pembangunan pelancongan. Kesemua petunjuk ini digunakan sebagai asas kajian ini.

Jadual 1.1

Petunjuk Pelancongan Lestari

Petunjuk Utama	Perincian Ukuran	Bidang Petunjuk
Penjagaan Tapak	Kategori penjagaan tapak yang mengikut indek “International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources” (IUCN)	Ekologi
Tekanan	Jumlah pelancong ke lokasi (tahunan dan bulanan)	Ekologi
Kegunaan Intensif	Kegunaan secara intensif pada tempoh tertinggi (jumlah pelawat per hektar)	Ekologi
Pengurusan Bahan Buangan	Peratusan bahan buangan yang dihantar ke tapak pelupusan (Petunjuk tambahan seperti bekalan air boleh juga digunakan)	Ekologi
Impak Sosial	Nisbah jumlah pelancong dengan penduduk tempatan (semasa tempoh tertinggi dan tempoh selepasnya)	Sosial
Kepuasan Penduduk Tempatan	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh penduduk tempatan (menggunakan bincian soal-selidik)	Ekonomi

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Kawalan Pembangunan	Menggunakan prosedur rujukan persekitaran atau kawalan formal terhadap pembangunan pada tapak dan kepadatan	Perancangan
Proses Perancangan	Menggunakan pelan perancangan wilayah yang telah dirancang untuk kawasan termasuk perancangan pelancongan	Perancangan
Kepuasan Pengguna (Pelancong)	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh pelancong (menggunakan bincian soal-selidik)	Ekonomi
Sumbangan Kepada Ekonomi Tempatan	Bahagian sumbangan daripada jumlah keseluruhan ekonomi yang diperoleh dari sektor pelancongan	Ekonomi

Sumber: Dipetik dan diolah daripada Fatimah & Fauziah, 2010

1.10 Organisasi Bab

Bab 1 akan memberikan pengenalan kajian secara terperinci mengenai asas dan operasi kajian. Asas kajian yang terdapat dalam bab ini adalah seperti latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Selain itu, bab ini menjelaskan pembahagian bab serta fokus yang dikaji dalam setiap bab. Bab 1 ini penting untuk memberi satu kerangka kajian kepada pembaca untuk mengikuti susunan kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam menjelaskan tentang kajian secara umum.

Bab 2 mengandungi kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain yang dijadikan sebagai rujukan dalam bab ini. Pengkaji memberikan penjelasan ringkas mengenai kajian lepas yang telah dirujuk. Dalam bab ini juga

terdapat perbincangan tentang teori yang berkaitan dengan kajian dan konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

Bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian. Dalam bab ini terdapat beberapa bahagian yang membincangkan lebih mendalam mengenai metodologi kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Komponen-komponen yang terlibat adalah reka bentuk kajian, instrumen kajian iaitu pemerhatian, kajian perpustakan dan soal selidik, subjek kajian dan prosedur. Bab ini menyenaraikan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, dokumen dan soal selidik. Terdapat juga penjelasan mengenai cara penganalisisan data kuantitatif yang menggunakan kaedah SPSS.

Bab 4 adalah bab menganalisis data yang diperoleh melalui soal selidik. Soak selidik yang diedarkan kepada responden, dikumpulkan balik dan dianalisis dalam bentuk SPSS dengan menggunakan kaedah kuantitatif mengikut objektif kajian. Bab ini mengandungi bahagian-bahagian soal selidik dan soalan-soalannya yang ditanyakan kepada responden. Bab ini akan memberikan penjelasan ringkas mengenai data yang diperolehi.

Bab 5 membincangkan dan menjelaskan soalan kajian daripada penganalisisan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang ditentukan. Perbincangan dibahagikan kepada 3 bahagian mengikut objektif kajian iaitu bahagian pengetahuan penduduk, bahagian perubahan pembangunan pelancongan, bahagian kesan pembangunan pelancongan. Terdapat juga penjelasan analisis hipotesis kajian.

Bab 6 menyimpulkan keseluruhan kajian yang dijalankan berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh. Satu kesimpulan tentang apa yang dikaji sama ada



tercapainya hipotesis kajian dan terjawabnya persoalan kajian. Terdapat juga beberapa cadangan yang diutarakan dalam bab ini.

1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan masalah yang telah mendorong pengkaji untuk melakukan sebuah kajian terhadap isu tersebut. Bab ini mempunyai latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, dan skop kajian. Tambahan pula, kepentingan dalam menjalankan kajian ini juga turut disertakan dalam bab satu. Organisasi bab yang dinyatakan dalam bab ini menerangkan dan memberi idea kepada pembaca mengenai kandungan yang terdapat dalam setiap bab dalam kajian ini.

